



**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**  
*Secretary General  
Ministry of Human Resources*  
Aras 9, Blok D3, Parcel D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62530 W.P. Putrajaya  
MALAYSIA

Telefon : 03-8886 5020 (Terus)  
03-8886 5021 (Pejabat)  
Fax : 03-8889 2402  
E-mail : [ksm@mohr.gov.my](mailto:ksm@mohr.gov.my)

Ruj. : KSM/MPGN(S) 600-6/7 Jilid 7 (62)

Tarikh : 8 Oktober 2013

**YBhg. Tan Sri Azman Shah Dato' Seri Haron**  
Presiden  
Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF)  
3A06-3A07, Block A,  
Pusat Dagangan Phileo Damansara II  
No. 15, Jalan 16/11  
Off Jalan Damansara  
46350 Petaling Jaya  
**SELANGOR**

*Y. B. Tan Sri*

## **PELAKSANAAN GAJI MINIMUM DALAM SEKTOR PERHOTELAN**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas dan perbincangan delegasi MEF bersama YB. Menteri Sumber Manusia pada 24 September 2013.


2. Untuk makluman YBhg. Tan Sri, cadangan pihak Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF) supaya Perintah Gaji Minimum 2012 dipinda bagi memasukkan intipati Garis Panduan Pelaksanaan Gaji Minimum tanpa melalui Majlis Perundingan Gaji Negara (Majlis) telah dibincangkan bersama YB. Menteri Sumber Manusia. Setelah mengambil kira pandangan perundangan dan prosedur Majlis seperti yang ditetapkan dalam Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (Akta 732), cadangan MEF itu tidak boleh dilaksanakan. Ini adalah kerana subseksyen 23(1) dan subseksyen 23(2) Akta 732 hendaklah dibaca bersama yang menjelaskan bahawa YB. Menteri Sumber Manusia boleh membuat pindaan, setelah mendapat arahan Kerajaan. Kerajaan hanya boleh mengeluarkan arahan atau membuat keputusan setelah menimbang syor daripada Majlis.

3. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian tiada halangan sekiranya pihak MEF ingin membentangkan cadangan ini dalam mesyuarat Majlis akan datang. Sekiranya ingin berbuat demikian pihak Urus Setia bersedia untuk menetapkan mesyuarat bagi tujuan ini.

Perhatian YBhg. Tan Sri berhubung perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“Pekerja Pemangkin Transformasi Negara”**



**(DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN)**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Sumber Manusia